

Malaysia perlu teroka pasaran baru: Dr M

BH 11 JUN 2002
Daripada Khaidir
Abdul Majid

ZURICH, Isnin - Malaysia perlu mencari pasaran baru bagi barangan keluarannya supaya tidak terlalu bergantung kepada satu negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, krisis ekonomi yang dihadapi Amerika Syarikat tahun lalu yang diburukkan lagi Serangan 11 September, mengajjar negara untuk tidak terlalu bergantung kepada sesuatu pasaran.

"Apabila pasaran Amerika Syarikat terjejas tahun lalu, ekonomi negara turut terjejas kerana 30 peratus daripada dagangan kita adalah dengan negara berkenaan," katanya ketika berucap pada majlis per-

jumpaan dengan masyarakat Malaysia, di sini malam tadi.

Beliau berkata, walaupun ekonomi Malaysia pulih daripada krisis kewangan 1997-98 untuk mencatatkan pertumbuhan 6 peratus dan 8.4 peratus masing-masing pada 1999 dan 2000, ia hanya berkembang 0.4 peratus tahun lalu berikutan masalah ekonomi Amerika Syarikat.

Malaysia, kata beliau tidak boleh terus terlalu bergantung kepada ekonomi Amerika Syarikat jika ia mahu mengelak perkara yang sama berulang.

"Kita tidak bermaksud untuk mengurangkan saiz perdagangan kita dengan Amerika. Apa

yang kita mahu ialah untuk mengurangkan peratusannya berbanding jumlah keseluruhan

dengan mencari pasaran baru," kata Dr Mahathir yang tiba di sini semalam dari Naples, Itali untuk lawatan rasmi tiga hari ke Switzerland.

Beliau berkata sebagai sebuah negara perdagangan dengan jumlah dagangan yang merangkumi 200 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Malaysia perlu sentiasa mencari pasaran baru.

"Malaysia sangat bergantung kepada perdagangan berbanding kebanyakan negara lain, termasuk Amerika yang jumlah dagangannya (walaupun lebih besar dari segi nilai) hanya adalah 17 peratus daripada KDNKnya.

"Oleh kerana kita bergantung kepada perdagangan, kita hanya boleh terus berkembang jika kita mampu mencari

pasaran untuk barangan keluaran kita," kata beliau.

Berikutan itu, beliau berharap dapat menarik lebih ramai pelabur untuk mengurus niaga dengan Malaysia supaya dapat memastikan ekonomi negara benar-benar terus pulih.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak rakyat

Malaysia di luar negara, termasuk

di Switzerland supaya cuba mempengaruhi rakyat asing untuk menjalin perhubungan perniagaan dengan Malaysia.

"Seperti anda tahu Switzerland adalah satu pusat kewangan yang utama.

Kita tidak perlu meminjam duit daripada Switzer-

land kerana Malaysia mempunyai wang

yang banyak berikutan kadar tabungannya agak tinggi pada 38 peratus daripada KDNK.

"Apa yang kita perlu ialah rakyat negara luar mengadakan perniagaan dengan kita. Mereka boleh buat duit dengan perniagaan itu dan kita juga

mampu buat duit daripadanya," katanya yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada majlis itu yang dihadiri kira-kira 300 rakyat Malaysia di Zurich yang kebanyakannya bekerja di sini.

Selepas majlis berkenaan Dr Mahathir menghadiri jamuan malam dengan bank Switzerland.